



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	'BIAR NACCOL URUSKAN ISU PADI, BERAS NEGARA', NASIONAL, BH -15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	AIK PULIH BENTENG RUMAH PAM KADA DIJANGKA SIAP APRIL, GANGGUAN BEKALAN AIR KE SAWAH SELESAI, DALAM NEGERI, UM -3	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	BEKAS PENGURUS NAFAS DITUDUH HUJUNG BULAN, LOKAL, HM -8	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	KARTEL BAJA RM1.8 BILION: BEKAS PENGURUS BESAR NAFAS DITUDUH BULAN INI, NASIONAL, BH -6	
5.	AGROBANK, ATM KERJASAMA DALAM PERTANIAN, BISNES, SH -28	AGROBANK
6.	AGROBANK, ATM JALIN KERJASAMA DALAM PROGRAM PEMBIAYAAN LADANG KONTRAK AGRO DEFENCE, BERNAMA -	
7.	ONLINE AGROBANK KOMITED BANTU VETERAN ATM MELALUI PERTANIAN, SUARA SARAWAK -ONLINE	
8.	TERNAKAN IKAN SANGKAR KAMPUNG GETANG JANA HASIL, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN
9.	SEJATI MADANI BANTU EKONOMI KOMUNITI, NEGARA, KOSMO -4	
10.	ADA PESAWAH JUAL TANAH SEBAB KOS OPERASI TANAM PADI TINGGI, KL, SH -26	
11.	PENDAPATAN PESAWAH JATUH 70%, DALAM NEGERI, UM -6	
12.	PESAWAH 'GULUNG TIKAR' JIKA HARGA BELIAN PADI KEKAL RM1,300, DALAM NEGERI, UM -6	
13.	KERAPU RM50 SEKILO!, LOKAL, HM -17	
14.	16 BARANG DISENARAI DALAM SHMMP 2025, LOKAL, HM -7	
15.	PROJEK TERNAKAN IKAN BANTU 8 PESERTA RAIH RM60k SETAHUN, LOKAL, HM -17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

'Biar NACCOL uruskan isu padi, beras negara'

Puchong: Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, akan meminta portfolio urusan padi dan beras negara diserahkan kepada NACCOL buat sementara waktu.

Ahli Parlimen Bukit Gantang itu, berkata beliau akan mengemukakan permohonan itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada sidang Dewan Rakyat yang bermula 3 Februari ini bagi mencari penyelesaian isu padi dan beras dalam negara, yang berlarutan sejak dua tahun lalu.

Syed Abu Hussin Hafiz yakin isu itu dapat diselesaikan dalam tempoh tiga bulan, selepas mendakwa ia gagal diselesaikan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Saya ambil tanggungjawab untuk menyelesaikan isu ini. Bagi masa kepada saya tiga bulan,

insya-Allah boleh diselesaikan.

"Saya akan buat cadangan tanpa gangguan daripada Kementerian atau Kawal Selia Padi dan Beras.

"Sebab itu saya minta seluruh isu beras dan padi diletakkan di bawah NACCOL (untuk tiga bulan). Tak payah kata tahun ini nak buat kajian demi kajian. Berapa lama nak kaji?"

"Rakyat menilai dan jika isu beras pun tidak boleh selesai, bagaimana lagi dengan komoditi lain," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Minggu lalu, Mohamad berkata, pihaknya sedang mengkaji penjualan beras campuran bagi mendepani kekangan pengilangan, khususnya Bumiputera yang tidak dapat menjual beras tempatan (BPT) pada kadar siling RM26 bagi kimpit 10 kilogram (kg), iaitu harga yang ditetapkan sejak 2008.

Mohamad berkata, tiada larangan jelas mengenai pen-



Keratan akhbar BH 14 Januari lalu.

Kerajaan kaji harga lantai belian padi RM1,300 satu tan

campuran beras dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522), malah cadangan itu turut disokong Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah penyelesaian masalah bekalan beras.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin Hafiz bagaimanapun mempersoalkan cadangan Mohamad itu kerana dakwa beliau, isu jualan beras campuran sudah lama berlaku, yang menjadi punca kehilangan BPT di pasaran.

"Isunya, BPT dikawal pada harga siling RM26, beras putih

import (BPT) tidak dikawal, menyebabkan ia dijual lebih RM40.

"Ini mendorong kartel membuat manipulasi, yang mana BPT dicampur kepada BPT dan dibungkus sebagai BPT dan dijual di pasar raya," katanya.

Justeru, beliau berpendapat, antara cara untuk menyelesaikan masalah beras dalam negeri MADANI, yang berharga RM30 bagi kimpit 10kg mulai menggantikan BPT dan BPI.

Syed Abu Hussin Hafiz berkata, cadangan itu sudah dikemukakan beliau pada mesyuarat NACCOL pada Februari tahun lalu, malah Perdana Menteri sebagai Pengerusi NACCOL akan diputuskan pada mesyuarat berikutnya.

"Cadangan itu sudah diedarkan ke Kementerian dan jabatan untuk diperhalusi tapi malangnya, saya lihat Perdana Menteri

amat prihatin dengan kos sara hidup.

"Perdana Menteri sudah umum, sepatutnya menterilah bertanggungjawab, arahkan Ketua Setiausaha (KSU) dan kepada Ketua Pengarah tapi ini tidak berlaku, menyebabkan tiada keputusan mengenainya sehingga hari ini," katanya.

Menjawab soalan sama ada beliau ada bertemu dengan Mohamad untuk membincangkan isu itu, Syed Abu Hussin Hafiz, berkata beliau cuba untuk mengadakan pertemuan setiap kali sidang Parli-

men diadakan, namun tidak kesampaian.



Syed Abu
Hussin
Hafiz Syed
Abdul Fasal

Baik pulih benteng rumah pam KADA dijangka siap April, gangguan bekalan air ke sawah selesai

KOTA BHARU: Kerja-kerja baik pulih benteng berhampiran rumah pam milik Lembaga Kemajuan Pertanian Lembah KADA yang runtuh sebelum ini diharapkan dapat disiapkan sepenuhnya pada April depan.

Pengerusi KADA, Khalid Abdul Samad berkata, pemuliharaan itu mampu menyelesaikan masalah gangguan bekalan air pada musim kemarau sekali gus membolehkan padi di kawasan Kota Bharu dan Bachok seluas 17,000 hektar kembali ditanam mengikut jadual.

Menurutnya, ketika ini kerja-kerja reka bentuk sudah hampir siap, namun memerlukan kerjasama dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam melaksanakan proses ini.

Sebelum ini, katanya, rumah KADA di Kemubu gagal berfungsi kerana paras air terlalu rendah akibat runtuh tebing itu.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan, Kerajaan Kelantan memberi jaminan akan membantu KADA mengatasi masalah bekalan air yang dihadapi oleh pesawah dengan menyediakan

Sistem Pam Kemubu dan Le-mal menggunakan peruntukan RM20 juta sebagaimana yang diluluskan Kerajaan Persekutuan kepada agensi pertanian itu.



KHALID Samad (tengah) menyerahkan kit pertanian bandar kepada warga KADA selepas Majlis Amanah Tahun Baharu KADA 2025 di Kota Bharu, Kelantan. - UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	HARIAN METRO	LOKAL	8

KARTEL BAJA RM1.8B

Bekas pengurus Nafas dituduh hujung bulan

Putrajaya: Bekas pengurus besar Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bakal dituduh di mahkamah hujung bulan ini berkaitan kes rasuah membabitkan pembekalan baja padi bernilai RM1.8 bilion.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Azam Baki berkata, kertas siasatan sudah dilengkapkan dan diserahkan

kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 13 Disember 2024.

“Berkaitan Op Ladang membabitkan Nafas yang disyaki ada unsur rasuah membabitkan pembekalan baja padi RM1.8 bilion, SPRM sudah buka kertas siasatan.

“Timbalan Pendakwa Raya bersetuju untuk menuduh individu berkenaan seperti disyorkan, dengan dua pertuduhan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	6

Kartel baja RM1.8 bilion: Bekas Pengurus Besar Nafas dituduh bulan ini

PUTRAJAYA - Bekas Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) akan dituduh bulan ini berhubung kes pengagihan dan perbekalan kontrak baja padi yang dianggarkan bernilai RM1.8 bilion.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan

Sri Azam Baki berkata, Op Ladang telah dilaksanakan selepas mengesyaki ada unsur rasuah membabitkan pembekalan baja padi bagi kontrak yang dianugerahkan kepada Nafas.

Menurutnya, SPRM membuka satu kertas siasatan di bawah Seksyen 16 Akta

SPRM 2009.

"Susulan itu, kita lengkapkan kertas siasatan dan menyerahkan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) pada 13 Disember lalu dengan syor dua pertuduhan terhadap seorang bekas Pengurus Besar Nafas.

"TPR bersetuju untuk menuduh individu

ini seperti disyorkan dan pertuduhan dijangka sebelum hujung bulan ini," katanya.

Sementara itu, katanya tiada sebarang kesalahan jenayah yang dikesan susulan siasatan terhadap dakwaan salah laku individu kepimpinan tertinggi Persatuan Badminton Malaysia (BAM) sebelum ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	SINAR HARIAN	BISNES	28

Agrobank, ATM kerjasama dalam pertanian

KUALA LUMPUR - Agrobank menjalin nota kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi Program Pembiayaan Ladang Kontrak Agro Defence, khusus untuk veteran ATM.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kerjasama itu membuka peluang kepada pesara ATM sedia ada atau bakal pesara ATM bergiat dalam industri pertanian.

"Program ini bukan sahaja menawarkan peluang keusahawanan, malah berpotensi menjadi sumber pendapatan stabil kepada veteran ATM, sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

"Ia juga mencerminkan komitmen kami dalam menjaga kebajikan warga veteran yang telah berbakti kepada negara," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Kos keseluruhan yang diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi ladang dalam sektor pertanian khususnya nanas, penternakan ayam dan perikanan adalah hampir RM30 juta.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, hasil sektor penanaman nanas, penternakan ayam dan perikanan bukan sahaja untuk kegunaan tempatan, malah mampu menggiatkan eksport antarabangsa. - *Bernama*

EKONOMI > BERITA

Agrobank, ATM Jalin Kerjasama Dalam Program Pembiayaan Ladang Kontrak Agro Defence

🕒 21/01/2025 03:52 PM



Kredit: FB - Agrobank

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Agrobank menjalin nota kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi Program Pembiayaan Ladang Kontrak Agro Defence khusus untuk veteran ATM.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata kerjasama antara dua pihak ini membuka peluang kepada pesara ATM sedia ada ataupun bakal pesara ATM untuk bergiat dalam industri pertanian.

"Program ini bukan sahaja menawarkan peluang keusahawanan, malah berpotensi menjadi sumber pendapatan yang stabil kepada para veteran ATM sekali gus meningkatkan taraf hidup mereka.

"Ia juga mencerminkan komitmen kami dalam menjaga kebajikan warga veteran yang telah berbakti kepada negara," katanya dalam kenyataan.

Kos keseluruhan yang diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi ladang dalam sektor pertanian khususnya nanas, penternakan ayam dan perikanan adalah hampir RM30 juta.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata hasil sektor penanaman nanas, penternakan ayam dan perikanan bukan sahaja untuk kegunaan tempatan, malah mampu menggiatkan eksport antarabangsa.



"Hasilnya bukan sahaja boleh dipasarkan dalam bentuk segar, malah boleh diproses menjadi pelbagai produk makanan dan produk hiliran.

"Faktor ini menjadikan sektor ini sebagai industri yang berpotensi untuk terus berkembang, didorong oleh permintaan pasaran yang tinggi dan kepelbagaian kegunaan," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#),

[@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	SUARA SARAWAK	ONLINE	

Agrobank komited bantu veteran ATM melalui pertanian



KUALA LUMPUR: Agrobank menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM bagi Program Pembiayaan Ladang Kontrak Agro Defence khusus untuk veteran ATM.

Kos keseluruhan yang diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi ladang dalam sektor pertanian, khususnya nanas, penternakan ayam, dan perikanan, adalah hampir RM30 juta.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin, hasil sektor penanaman nanas, penternakan ayam, dan perikanan bukan sahaja untuk kegunaan tempatan, malah mampu menggiatkan eksport antarabangsa.

Katanya, hasil itu bukan sahaja boleh dipasarkan dalam bentuk segar, malah boleh diproses menjadi pelbagai produk makanan dan produk hiliran.

“Faktor ini menjadikan sektor-sektor ini sebagai industri yang berpotensi untuk terus berkembang, didorong oleh permintaan pasaran yang tinggi serta kepelbagaian kegunaan.

“Kerjasama antara Agrobank dan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ini membuka peluang kepada pesara ATM sedia ada ataupun bakal pesara ATM untuk bergiat dalam industri pertanian,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, program itu bukan sahaja menawarkan peluang keusahawanan, malah berpotensi menjadi sumber pendapatan yang stabil kepada para veteran ATM, sekaligus meningkatkan taraf hidup mereka.

“Ia juga mencerminkan komitmen kami dalam menjaga kebajikan warga veteran yang telah berbakti kepada negara,” tambahnya.

Simbolik jalinan nota kerjasama ini telah disempurnakan oleh Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin dan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Datuk Semaon Marjuki.

Melalui Program Pembiayaan Ladang Kontrak Agro Defence khusus untuk veteran ATM, Agrobank komited memacu industri agromakanan yang bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, malah meningkatkan kesejahteraan hidup veteran ATM.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Ternakan ikan sangkar Kampung Getang jana hasil

HULU TERENGGANU: Projek perintis ternakan ikan sangkar yang dijalankan di Kampung Getang, di sini bermula tahun lalu menerusi peruntukan Skim Sejati Madani dijangka mampu mengeluarkan hasil sehingga mencecah tiga tan metrik.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Kampung Getang, Tuan Abd. Razif Tuan Ngah berkata, 3,000 benih ikan tilapia dilepaskan November lalu sebagai permulaan dan mula dijual minggu ini.

Beliau berkata, pihaknya memperoleh peruntukan RM100,000 menerusi Program Sejahtera Komuniti Madani dan hasil keuntungan projek ternakan ikan sangkar dilaksanakan itu akan dimasukkan ke Tabung Komuniti Kampung Getang.

“Projek ini diuruskan JPKKP Getang. Setakat ini, keseluruhannya sebanyak 19,000 ekor benih ikan tilapia dilepaskan secara berperingkat ke

dalam lapan unit sangkar yang terletak di Sungai Terengganu.

“Peringkat perintis pelepasan November lalu sebanyak 3,000 ekor dan akan mula dijual hasilnya minggu ini. Seterusnya pada bulan Ramadan iaitu Mac ini serta Jun akan datang.

“Beberapa individu terutama peniaga telah datang ke sangkar menempah ikan untuk keperluan atau jualan mereka sepanjang bulan puasa tidak lama lagi,” katanya ketika ditemui di Kampung Getang, dekat sini.

Tuan Abd. Razif berkata, hasil projek ternakan ikan sangkar itu adalah sebagai pengumpulan dana untuk orang kampung bagi membantu meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan serta sumbangan khairat kematian.

Pihaknya turut menyasarkan hasil ternakan dapat dijual secara berkala sekurang-kurangnya dua kali setahun selepas ini walaupun terpaksa berdepan bencana banjir.



TUAN Abd. Razif Tuan Ngah (kiri) melihat hasil Projek Ternakan Ikan Sangkar Kampung Getang di Hulu Terengganu. - UTUSAN/NOOR HAYATI MAMAT

Sejati Madani bantu ekonomi komuniti

PETALING JAYA – Inisiatif Sejati Madani yang dimulakan sejak Mac tahun lalu membuahkan hasil apabila berjaya merencanakan aktiviti ekonomi di peringkat komuniti menerusi pelaksanaan pelbagai projek.

Antaranya fertigasi cili hijau, ternakan ikan keli sangkar, penternakan ikan air tawar menggunakan sistem bioflok selain penggunaan teknologi dron dalam sektor pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Pangkal Chuit di Kelantan, Rasli Rosdi berkata, projek fertigasi cili hijau dipilih di bawah inisiatif Sejati Madani untuk dilaksanakan di mukim tersebut.

"Ia dirancang untuk membantu golongan yang tidak mempunyai pekerjaan termasuk belia. Projek fertigasi ini memang untuk orang kampung.

"Kita hendak bantu mereka yang tiada kerja. Mana budak-budak yang tiada pekerjaan, kita tolong mereka," katanya.

Di Mukim Dusun, Kelantan projek ternakan ikan keli sangkar turut mencipta kejayaan

apabila 80,000 ekor spesies itu berjaya ditenak.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKK) Mukim Dusun, Norizam Ibrahim berkata, projek itu tidak hanya tertumpu kepada ternakan ikan keli semata-mata, bahkan dijadikan produk seperti keropok dan pekasam.

"Semua kerja ini dijalankan oleh anak muda di mukim ini. Kami berharap bukan sahaja dapat menambah pendapatan mereka, malah memberikan kemahiran baharu untuk kelangsungan hidup," katanya.

Seorang pengurus ladang, Haswadi Sulaiman dari Mukim Dusun berkata, inisiatif Sejati Madani menggalakkan lebih ramai belia menceburi bidang pertanian moden seperti fertigasi selain ternakan.

Sementara itu, Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Piandang, Siputeh di Batu Gajah, Perak pula melaksanakan inisiatif penternakan ikan air tawar menggunakan sistem bioflok.



INISIATIF Sejati Madani mampu membantu merencanakan ekonomi komuniti setempat dengan penanaman cili hijau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	SINAR HARIAN	KUALA LUMPUR	26

Ada pesawah jual tanah sebab kos operasi tanam padi tinggi

KUALA LUMPUR - Kawalan harga sawah rendah dengan kos tanaman padi meningkat dikhuatiri memberi tekanan kepada pesawah hingga boleh menyebabkan kemungkinan gulung tikar.

Pengerusi Gabungan Nasional (GN), Aminuddin Yahaya berkata, terdapat pesawah mula menjual tanah selepas tidak tahan dengan peningkatan kos operasi.

Menurutnya, statistik turut menunjukkan angka pesawah dahulu mencecah 300,000 orang kini berkurang kepada 200,000 orang.

"Majoriti terlibat dengan aktiviti ini telah berusia, manakala golongan berumur 40 tahun ke bawah hanya tinggal 10 hingga 20 peratus sahaja.

"Jika situasi ini berterusan dan tidak dikawal, dikhuatiri akan memberi kesan kepada keselamatan makanan.

"Suatu masa dahulu kita pernah mempunyai stok baik menjamin makanan tetapi jika perkara ini tidak diatasi, dikhuatiri negara akan menghadapi isu keselamatan makanan meruncing," katanya pada sidang akhbar cadangan penurunan harga padi di sebuah hotel di ibu kota pada Selasa.

Pada sidang akhbar itu, GN meluahkan kebimbangan terhadap nasib pesawah mengenai cadangan penurunan harga belian padi kepada RM1,300 satu tan metrik seperti dilaporkan di media sosial.

Aminuddin berkata, GN mencadangkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menaikkan kembali harga belian padi kepada harga semasa iaitu antara RM1,500 hingga RM1,800.

"GN turut meminta kerajaan menguatkuasakan agensi seperti Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Lembaga Pertanian Peladang memantau agar tidak berlaku penindasan kepada pesawah.

"Pada masa sama, kementerian perlu mendapatkan pandangan wakil pesawah agar setiap polisi dikenakan dapat mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, pihaknya berharap kerajaan khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mendengar rintihan dihadapi pesawah berhubung penetapan harga belian padi ke pada RM1,300 satu tan metrik.

Ujarnya, harga itu tidak lagi relevan dengan kos operasi ditanggung pesawah dan memerlukan harga lantai untuk seimbang kos tersebut.



Aminuddin (tengah) pada sidang akhbar berkaitan isu penurunan harga belian padi yang menjadi kebimbangan pesawah pada Selasa.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Pesawah menyewa paling teruk terkesan, kerajaan digesa dengar rintihan

Pendapatan pesawah jatuh 70%

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@medianmala.com.my

ARAU: Pendapatan pesawah dijangka susut sehingga 70 peratus dengan pesawah yang menyewa paling teruk terkesan sekiranya harga belian padi menjunam sehingga paras lantai iaitu RM1,300 per tan metrik.

Seorang pesawah yang menyewa, Idris Ali, 53, berkata, kos sewa bendang bagi keluasan lapan hektar diusahakannya mencecah sehingga RM28,000, manakala kos penanaman pula mencecah sehingga RM20,000.

Katanya, sekiranya harga belian padi menjunam kepada RM1,300, pesawah yang menyewa akan mengalami kesan paling teruk dengan kebanyakan kos semasa yang meningkat.

"Harga belian padi RM1,300 amat menjejaskan berikutan kenaikan kos. Kami yang menyewa amat terkesan dengan pendapatan dijangka susut sehingga 70 peratus."

"Jika harga belian padi +RM1,800 dan apabila dicampur



SEBAHAGIAN pesawah menyerahkan memorandum menuntut kenaikan harga lantai belian padi kepada Shahidan Kassim di Pusat Khidmat Kubang Gajah, Arau, Perlis. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

subsidi, dapat juga menikmati keuntungan bersih RM1,000 per tan metrik, namun bila turun sehingga RM1,300, bayangkanlah pendapatan kami," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Lebih 200 pesawah dari kawasan Parlimen Arau menyerahkan memorandum menuntut

kenaikan harga lantai belian padi RM1,800 kepada Ahli Parlimen Arau, Datuk Seri Shahidan Kassim, yang akan membawa perkara tersebut kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Difahamkan di negeri ini

sahaja seramai 60 peratus pesawah yang mengusahakan tanaman adalah dalam kalangan mereka menyewa.

Bagi anggaran keluasan 0.3 hektar, kos sewaan antara RM700 sehingga RM1,000, manakala pesawah mengusahakan tanaman di kawasan sawah

sendiri pula, akan mengalami penyusutan pendapatan sekitar 30 peratus.

Kos mengusahakan bendang pesawah sekitar RM2,038 membabitkan sewa bendang sekitar RM600; kos traktor, RM340; benih padi bagi tiga kampil, RM180; upah mesin padi RM180; upah racun rumput, RM110 selain pelbagai kos lain.

Idris yang mengusahakan tanaman di Behor Mempelam itu memohon kerajaan mendengar rintihan pesawah untuk menaikkan harga lantai belian padi kepada RM1,800 atau sekurang-kurangnya RM1,600 supaya mereka boleh 'bernafas'.

Pesawah, Hamzah Husin, 69, mendedahkan kehidupan kebanyakan pesawah amat sukar, namun tiada pilihan kerana ia sumber rezeki.

Sementara itu, Shahidan menggesa kerajaan serius mendengar tuntutan pesawah untuk menaikkan harga lantai belian padi kepada RM1,800 malah berjanji akan memajukan isu berkenaan kepada menteri berkenaan.

Pesawah 'gulung tikar' jika harga belian padi kekal RM1,300

KUALA LUMPUR: Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Melayu-Islam (Nasionalis) menggesa kerajaan melaksanakan langkah drastik bagi memastikan nasib pesawah terbelas.

Presiden Nasionalis, Aminuddin Yahaya berkata, golongan pesawah semakin tertekan dengan harga kawalan beras yang rendah dan kos menanam padi meningkat, malah berpotensi menyebabkan mereka menggulung tikar.

Kata beliau, ketika ini, sudah ada pesawah mula menjual sawah padi mereka kerana tidak lagi sanggup untuk menampung kos semakin meningkat.

"Dahulu kita pernah ada sampai 300,000 pesawah namun kini hanya tinggal 200,000 orang. Majoriti adalah orang senior manakala pesawah bawah 40 tahun hanya tinggal 10 hingga 20 peratus."

"Penurunan harga belian ini akan memberikan kesan kepada kelangsungan aktiviti pesawah,

ditambah pula dengan kenaikan pelbagai kos operasi berkaitan," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Aminuddin berkata, sebagai langkah proaktif, kementerian perlu menaikkan kembali harga belian padi kepada harga semasa iaitu antara RM1,500 hingga RM1,800.

"Agensi seperti Bahagian Pembangunan Industri Padi dan Lembaga Pertanian Peladang perlu dikuatkuasakan untuk memantau agar tidak berlaku elemen penindasan pesawah."

"Kementerian perlu mendapatkan pandangan wakil pesawah agar setiap polisi dapat mewujudkan situasi menang-menang kepada semua pihak," katanya.

Presiden Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob-pula berkata, harga lantai padi RM1,300 tidak lagi relevan kerana pesawah perlu menanggung 55 peratus kos secara keseluruhan.



TINJAUAN di Pasar Borong Selangor mendapati rata-rata peniaga memberitahu harga ikan dan makanan laut naik sejak sebulan lalu.

Kerapu **RM50** sekilo!

Harga ikan, makanan laut meningkat menjelang Tahun Baharu Cina

Oleh Fadhilahnur
Amin dan Ain Balgis
Ahmad Parmy
am@hmetro.com.my

Seri Kembangan

Harga barangan makanan seperti ikan dan makanan laut lain serta kelapa dijangka terus meningkat menjelang Tahun Baharu Cina hujung bulan ini.

Tinjauan di Pasar Borong Selangor di sini, semalam mendapati rata-rata peniaga memberitahu harga ikan dan makanan laut lain seperti sotong dan udang naik sejak sebulan lalu.

Peniaga, Umar Zakaria, 30, berkata, harga borong udang dan sotong biasa RM25 hingga RM26 sekilogram, namun kini mencecah RM32 sekilogram be-

rikutan permintaan tinggi menjelang perayaan.

"Tahun Baharu Cina memang permintaan tinggi untuk makanan laut seperti udang, sotong dan ketam kerana ia biasa digunakan dalam hidangan ketika majlis makan besar," katanya. Umar berkata, ikan kerapu juga mengalami kenaikan ketara sehingga boleh mencecah RM50 sekilogram.

"Harga kerapu biasa dijual pada RM32 kini mencecah RM40 hingga RM50 sekilogram. Tetapi, sambutan pelanggan stabil kerana kebanyakan mereka memahami kenaikan harga berpunca dari permintaan dan bekalan tidak mencukupi," katanya.

Sementara itu, peniaga kelapa dan santan, Jappamany Maruthamuthu, 68, berkata harga kelapa dan santan turut mengalami peningkatan sejak beberapa minggu lalu.

"Harga santan sebelum ini dijual RM3 sekilogram, kini dijual pada RM4, manakala sebilik kelapa naik daripada RM2 kepada RM2.80 bagi kelapa besar," katanya.

"Kelapa kecil naik kepada RM2.20 daripada RM1.60 sebelum ini. Kelapa parut pun ada kenaikan, sebab kita ada ambil upah parut 50 sen bagi sebilik kelapa.

"Ada juga pelanggan mengeluh, tetapi mereka tetap membelinya kerana be-

kalan kelapa semakin sukar diperoleh buat masa ini," katanya.

Menurut Jappamany, kelapa muda turut mengalami kenaikan harga.

"Kelapa muda tanpa bungkus kini dijual pada RM2.80 sebilik, sementara dibungkus dijual pada harga RM3 hingga RM5, bergantung saiz dan permintaan," katanya.

Bagaimanapun peniaga ayam, Azmi Zainal, 56, berkata, harga ayam kekal stabil sejak sebulan lalu.

"Masa musim tengkujuh November lalu, harga naik dari RM10.60 sekilogram, sekarang turun semula.

"Saya jual ayam pada harga standard ditetapkan persatuan peniaga ayam di kawasan ini, iaitu RM9.80 sekilogram. Harga terabit seragam di semua gerai," katanya.

16 barang disenarai dalam SHMMP 2025

Teluk Intan: Sebanyak 16 barangan disenaraikan di bawah pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2025 yang berkuat kuasa bermula 25 Januari hingga 2 Februari ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Armizan Mohd Ali berkata, barangan itu membabitkan ikan bawal putih, udang putih, kobis bulat import, ubi kentang import, bawang putih, halia tua, lobak merah, lobak putih selain perut, daging dan lemak khinzir.

Menurutnya, selain 11 barangan sedia ada seperti perayaan terdahulu, pihaknya turut menambah lima barangan baru dalam skim itu.

"Lima barangan baharu itu adalah cili merah, bawang kuning besar, bawang merah besar import dan sawi pendek bagi jualan di Semenanjung Malaysia sahaja manakala kepak ayam di Sabah, Sa-

rawak dan Labuan.

"Skim ini dikuatkuasakan melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan orang ramai boleh menyemak harga maksimum ditetapkan melalui laman web kementerian.

"Saya arahkan pegawai penguat kuasa supaya memantau lokasi strategik seperti di pasar awam, pasar tani dan pusat membeli-belah untuk memastikan pematuhan peniaga dan melindungi kepentingan pengguna," katanya selepas melancarkan Program Jualan Rahmah Madani dan Pengumuman Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Tahun Baharu Cina di sebuah pasar raya, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Armizan berkata, pihaknya menjalankan kerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memastikan bekalan barangan di kawal mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim itu.



ARMIZAN (duduk kanan) meninjau harga barangan sempena persediaan pelaksanaan SHMMP Tahun Baharu Cina 2025 di pasar raya di Teluk Intan. -Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

Projek ternakan ikan bantu 8 peserta raih RM60k setahun



LIEW (kanan) melepaskan benih ikan talapia di majlis Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau. -Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Marang: Seramai lapan peserta dijangka mampu meraih RM60,000 setahun hasil Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini.

Projek dilaksanakan di kampung itu adalah ketiga diwujudkan di bawah program SejaTI MADANI.

Penasihat projek yang juga pensyarah Institut Akuakultur Tropika dan Perikanan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Prof Madya Dr Liew Hong Jung berkata, projek pertama di bawah program itu dilaksanakan di Kampung Mengabang Telipot, Kuala Nerus dengan kos

RM50,000, manakala projek kedua di Kampung Padang Pak Wan, Marang, dengan kos RM100,000.

Katanya, untuk projek terbaru itu 3,000 benih ikan talapia dimasukkan ke dalam lima tangki kanvas.

"Baki 3,000 lagi benih ikan dimasukkan secara berperingkat menjadikan jumlah keseluruhan 6,000 bagi 10 tangki kanvas untuk projek ini.

"Kita gunakan konsep integrasi ikan talapia dengan tanaman iaitu prinsip ternakan ikan dalam sistem kanvas dan air ternakan ikan disalurkan ke-

pada tanaman sebagai air buangan untuk dijadikan baja tambahan kepada tanaman," katanya selepas majlis perasmian Projek Akuakultur Integrasi Kampung Padang Limau Nipis di sini, semalam.

Menurutnya, kos bagi projek berkenaan berjumlah RM100,000 dan ikan ditenak tiga pusingan setahun apabila setiap pusingan menjana pendapatan bernilai RM20,000.

Katanya, ikan ditenak boleh dijual dalam tempoh empat hingga lima bulan, manakala sayuran pada tempoh tiga bulan.

"UMT di bawah Institut

Akuakultur Tropika dan Perikanan menyediakan empat khidmat kepakaran iaitu dalam bidang akuakultur, nutrisi makanan, pembiakan ikan dan pengurusan sistem ternakan," katanya.

Peserta, Zarina Mahmud, 55, berkata, projek berkenaan menambah pendapatan selain dapat mendalami ilmu ternakan ikan air tawar.

"Kalau nak lakukan sendiri mungkin mustahil kerana kos tinggi dan kami tiada kepakaran, namun melalui projek berkelompok ini semua menjadi semakin mudah.